

12/08/1998

Permintaan 650 juta liter air menghairankan

Ismail Mat

MUAR, Selasa - Kerajaan Johor hairan dengan permintaan Singapura agar Malaysia menambah bekalan air mentah sehingga 650 juta liter sehari ke republik itu sedangkan mereka hanya memerlukan 185 juta liter air sehari.

Setakat ini, permintaan untuk meningkatkan bekalan itu belum dipersetujui Kerajaan Persekutuan kerana banyak persoalan teknikal mengenai tujuannya yang perlu diselesaikan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya negeri, Datuk Zainal Abidin Mohamad Zin, berkata cadangan penambahan bekalan itu timbul ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Johor pada April lalu.

"Ketika lawatan Dr Mahathir pada April lalu, ada cadangan untuk menandatangani perjanjian persefahaman bekalan air mentah yang dijangka bertambah sehingga 650 juta liter air sehari.

"Tetapi, dalam keadaan sekarang tidak pasti sama ada ia diluluskan atau tidak oleh Kerajaan Persekutuan, kerana banyak perkara perlu diambil kira dalam memberi kelulusan itu," katanya ketika ditemui di Kesang Laut, petang semalam.

Pagi ini, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, ketika muncul dalam rancangan Malaysia Hari Ini terbitan TV3, menjelaskan Malaysia perlu mengkaji bagi mengenal pasti keperluan airnya mencukupi dalam urusan pembekalan air ke Singapura.

Menurutnya, kedua-dua perjanjian air dengan Singapura akan berakhir pada tahun 2011 dan 2061, sekali gus tempoh lama itu membolehkan Malaysia mengkaji terlebih dulu kapasiti bekalan air sendiri.

Zainal Abidin berkata, jika Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan permintaan Singapura agar bekalan air ditambah sekarang, Johor mampu untuk membekalkannya tetapi banyak persoalan yang perlu diketahui kerajaan Johor.

"Antara persoalan utamanya, untuk apa begitu banyak bekalan diminta oleh Singapura kerana keperluannya jauh lebih rendah daripada itu.

"Singapura perlu menyelesaikan persoalan teknikal awal ini dan setakat ini, tiada sebarang perjanjian (persefahaman mengenai bekalan tambahan itu) ditandatangani," katanya.

Menurutnya, selain itu, dua perjanjian sedia ada boleh disemak semula oleh kerajaan Johor selepas 25 tahun dikuatkuasakan tetapi ia perlu dilakukan dengan persetujuan Kerajaan Pusat.

Katanya, ketika ini kira-kira 500 hektar kawasan tanah di beberapa lokasi di seluruh Johor, dipajak serta digunakan oleh Singapura untuk pelbagai tujuan termasuk sebagai laluan paip air.

(END)